

**RANCANGAN PERNIAGAAN**

**ASAS KEUSAHAWANAN**

**ETR 300**

**MENJUAL DAN MEMBAIKI JAM TANGAN**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**PUAN ZUBAIDAH BTE ZAHIRUDIN**

**TUTOR ETR 300**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

<b>NORZAITI BTE MOHD NOR</b>	<b>97205663</b>
<b>NOOR IZATULFAZLINA BTE BAHAROM</b>	<b>97205583</b>
<b>HASMAR HAJAR BTE ABU HASSAN</b>	<b>97205457</b>
<b>SUHANA BTE SANUJI</b>	<b>97205750</b>
<b>ELLY MAYZURA BTE MATTA</b>	<b>97188758</b>

**14 OKTOBER 1999**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 8hb. Julai 1999  
Surat Tuan:  
Surat Kan: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963 06-5591067

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Elly Mayzura bt Matta	97188758
2.	Suhana bt. Sanusi	97205750
3.	Hasmar Hajar bt. Abu Hassan	97205457
4.	Norzaiti bt. Mohd Nor	97205663
5.	Noor Izatulfazlina bt. Baharom	97205583
6.	Harliza Jaamat	97243686

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**SHAHARIAH HJ. OSMAN**  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka.  
b/p Provos

Siswi Semester 05  
Diploma In Business Studies

Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
Km 26 Jalan Lendu  
78 000 Alor Gajah  
Melaka

### **Kepada**

Puan Zubaidah Bte Zahirudin  
Pensyarah Asas Keusahawanan ETR 300  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka  
Km 26 Jalan Lendu  
78 000 Alor Gajah  
Melaka

### **Puan**

## **RANCANGAN PERNIAGAAN MENJUAL DAN MEMBAIKI JAM TANGAN**

Merujuk kepada perkara di atas , kami telah ditugaskan untuk menyediakan dan melengkapkan sebuah Rancangan Perniagaan bagi memenuhi syarat matapelajaran ETR 300. Alhamdulillah , ia telah berjaya disiapkan seperti mana yang telah dirancangan.

2. Rancangan perniagaan menjual dan memperbaiki jam tangan ini dibuat secara komersial mengandungi maklumat yang telah didiskusikan secara komprehensif termasuk objektif, latar belakang perniagaan, rakan kongsi, pemasaran, pengurusan organisasi serta aspek lain yang dapat membantu dalam menjalankan perniagaan ini.
  
3. Dengan ini ia akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak di dalam membuat perancangan perniagaan. Ia juga sebagai panduan serta tujuan-tujuan akademik yang lain. Semoga segala apa jua idea yang telah disumbangkan memberi keberkatan terhadap usaha-usaha murni ini.

Sekian, terima kasih.....

Yang Benar,

.....

(Norzaiti Mohd Nor)

.....

(Noor izatulfazlina Baharom)

.....

(Hasmar Hajar Abu Hassan)

.....

(Suhana Sanuji)

.....

(Elly Mayzura Matta)

## 1.0 PENGENALAN

Setelah menganalisa mengenai keperluan manusia dalam kehidupan seharian , kami telah mencapai kata sepakat untuk menjalankan perniagaan jam tangan dan menawarkan perkhidmatan pembaikan jam tangan kerana jam tangan merupakan satu aset penting bagi individu. Masyarakat masa kini menuju alaf baru sentiasa berlumba-lumba untuk merebut masa yang ada dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah.

Oleh yang demikian, mereka memerlukan jam tangan yang boleh di bawa ke mana-mana untuk mengetahui masa dan di samping itu boleh mendidik seseorang itu menjadi seorang yang berdisiplin dan bertanggungjawab.

Kami yakin bahawa perniagaan yang kami jalankan ini mempunyai potensi yang baik dari segi pasaran dan harga. Ini kerana fesyen-fesyen jam tangan yang dijual adalah berdasarkan kepada peredaran zaman dan secara tidak langsung dapat memenuhi citarasa pelanggan.

Walau bagaimanapun perniagaan ini dijalankan di sekitar Bandar Hilir pada peringkat awal dan setelah berjaya menembusi pasaran seperti yang dirancangkan barulah kami akan meluaskan pasaran ke daerah-daerah lain di negeri Melaka.